

ABSTRAK

STATUS DAN FAKTOR BERKAITAN DENGAN MALPEMAKANAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS DI LEMBAH KLANG SELEPAS KELUAR DARI HOSPITAL

LIEW SHEK YEE

Malpemakanan merupakan masalah kesihatan yang biasa tetapi sering tidak dikenali dalam kalangan warga emas. Status pemakanan warga emas boleh menjadi lebih teruk sekiranya dimasukkan ke hospital dan juga sekiranya berlaku peralihan dari hospital ke rumah. Namun demikian, kajian-kajian yang mengkaji status dan faktor berkaitan dengan malpemakanan dalam kalangan warga emas selepas mereka keluar dari hospital adalah terhad di Malaysia. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menentukan perkadaran dan faktor berkaitan dengan malpemakanan dalam kalangan warga emas di Lembah Klang selepas mereka keluar dari hospital. Kajian ini juga menilai keperluan penilaian bagi penjagaan pemakanan peralihan khusus bagi warga emas di Malaysia. Satu kajian rentas keratan yang melibatkan 36 warga emas di Lembah Klang yang keluar dari hospital telah dijalankan dari bulan Mac hingga Mei 2021. Status malpemakanan subjek telah dinilai dengan menggunakan DETERMINE Your Nutritional Health Checklist. Maklumat mengenai ciri-ciri demografi, status kesihatan, status fungsian, status kemurungan dan keperluan penilaian bagi penjagaan pemakanan peralihan telah diperolehi. Purata umur responden adalah 69.94 ± 7.48 tahun dengan lingkungan umur antara 60 hingga 85 tahun. Seramai 97.2% subjek memerlukan sokongan bagi IADL dan 33.3% berisiko mengalami kemurungan. Seramai 97.2% subjek mempunyai risiko yang sederhana dan tinggi untuk mengalami malpemakanan. Selain itu, 66.7% subjek tidak berunding dengan pegawai pemakanan sejak keluar dari hospital, 33.3% tidak tahu cara menguruskan penyakit mereka dari segi makanan dan pemakanan setelah keluar dari hospital dan 88.9% bersetuju bahawa penjagaan pemakanan adalah penting untuk memperbaiki tahap kesihatan mereka. Tiada hubungan yang signifikan dijumpai antara ciri demografi, status kesihatan kecuali jumlah penyakit kronik ($r = 0.449$, $p = 0.006$), status fungsian dan status kemurungan dengan status malpemakanan. Kesimpulannya, sebilangan besar warga emas berisiko untuk mengalami malpemakanan setelah keluar dari hospital, menunjukkan bahawa isu status pemakanan memerlukan perhatian daripada pegawai kesihatan dan keperluan untuk menyediakan garis panduan penjagaan pemakanan peralihan.